

PM ingatkan: Ada golongan nak hancurkan umat Islam

KOTA BAHARU, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ada usaha-usaha sedang dijalankan oleh golongan tertentu untuk menghancurkan umat Islam di negara ini sekarang.

"Saya tidak payah menyebutkan siapa atau golongan mana yang menjalankan usaha-usaha itu dan kesannya kepada negara," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata golongan itu telah melakukan kegiatan memecah belahkan perpaduan ummah melalui tuduhan-tuduhan bahawa "orang lain bukan Islam" dan diri "mereka" adalah Islam sebenar.

"Yang sebenarnya tidak timbul Islam atau tidak Islam tetapi mereka menggunakan isu tersebut untuk kepentingan diri sendiri memenangi kerusi," tegas beliau.

Kecewa

Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmikan Muktamar Ke-III Berjasa di sini semalam.

Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional berkata, perjuangan politik di negara ini, bukan perjuangan peribadi, tetapi perjuangan untuk masa depan umat Islam dalam negara ini.

Datuk Seri Mahathir menarik perhatian para perwakilan bahawa kerajaan merasa kecewa dan kesal kerana negara-negara Islam yang sudah mencapai kemerdekaan dan mempunyai hasil kekayaan negara, telah berpecah-belah sesama sendiri dan saling berbunuhan sesama sendiri.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, "Kita telah mendesak negara-negara Islam supaya berhenti berperang sesama sendiri."

Katanya, negara Islam di Timur Tengah asyik bersengketa sesama sendiri dan mengkayakan negara-negara musuh mereka sendiri, kerana tanpa disedari mereka telah membeli senjata-senjata untuk berbunuhan sesama sendiri, seperti Iraq dan Iran.

Tambahnya lagi, terdapat penasihat-penasihat tentera kepada negara-negara Islam sendiri yang lebih bersimpati dengan Israel dari negara-negara Islam.

Katanya, negara-negara Islam terpaksa berbuat demikian kerana mereka tidak berkeupayaan berbuat sesuatu apapun.

Katanya, negara Af-

ghanistan telah ditakluk dan dijajah oleh Russia dengan pembekalan senjata yang cukup untuk membunuh orang-orang Islam di negara itu kerana hendak mengekal pengaruh kuasa mereka.

"Kita tidak boleh berbuat apa-apa, melainkan menggesa kuasa-kuasa besar supaya berhenti berbuat demikian serta menyoal mengapa mereka berbuat demikian," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, oleh kerana sikap tamak dan haloba para pemimpin negara-negara Islam di Timur Tengah, maka setiap kali berlaku peperangan antara Arab Israel setiap kali itulah negara Arab mengalami kekalahan teruk.

Beliau menegaskan, Israel yang mempunyai kekuatan empat juta rakyatnya telah dapat menundukkan kekuasannya 100 juta umat Arab disebabkan tidak ada perpaduan di kalangan orang Arab yang beragama Islam itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pihaknya menaruh keyakinan terhadap parti Berjasa sebagai anggota komponen Barisan Nasional yang mempunyai hasrat dan cita-cita yang sama dalam Barisan Nasional untuk memperjuangkan dasar-dasar kerajaan.

"Inilah harapan dan cita-cita BN, dan lain-lain anggota komponen Barisan Nasional dan menyertai Barisan Nasional bukan bermakna kita telah membelakangkan Islam, kerana kita dan lain-lain anggota BN telah sanggup menerima dasar-dasar negara kita," tegasnya.

"Kita boleh bergabung dan bekerjasama dengan lain-lain anggota Barisan Nasional untuk kepentingan negara kerana mereka bukan memusuhi kita," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau telah menerima surat dari Presiden Berjasa, Datuk Haji Mohamad Nasir menyatakan hasratnya untuk mengundur diri dari jawatannya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan lain-lain jawatan.

"Bagaimanapun, Datuk Haji Mohamad Nasir ingin meneruskan perkhidmatannya sebagai Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Malaysia dan saya bersetuju dengan hasrat itu," katanya.

"Saya amat berbangga dengan sikap Datuk Haji Mohamad Nasir yang jujur tanpa sebarang paksaan atau tekanan ingin mengundurkan diri itu," katanya.